

10 JUL 1998

Mahathir-Jepun

JEPUN PERLU KERAJAAN KUAT UNTUK ATASI MASALAH EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jepun memerlukan kerajaan yang kuat untuk mengatasi masalah ekonominya, yang paling buruk selepas perang.

Beliau berkata yang menjadi masalah kepada Jepun ialah kurangnya kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

" Oleh kerana ini, apa sahaja yang kerajaan lakukan, rakyat tidak menaruh kepercayaan," kata beliau kepada sekumpulan 18 wartawan dari media Taiwan di pejabatnya di sini.

" Oleh kerana kerajaan Jepun bertukar selepas dua hingga tiga tahun, tiada kesinambungan dalam programnya," kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan daripada para wartawan mengenai Jepun.

Menurut laporan agensi berita, kuasa ekonomi keua terbesar di dunia itu menghadapi kemelesetan paling buruk selepas perang dengan kadar pengganguran dan kebangkarapan semakin meningkat.

Kadar pengganguran mencapai 4.1 peratus dan dijangka meningkat lagi memandangkan lebih banyak syarikat ditutup dan yang lain mengurangkan kakitangan dalam usaha untuk terus beroperasi.

Laporan juga menyatakan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto menghadapi masalah dalam pilihan raya Dewan Tertinggi Ahad ini dengan tokoh-tokoh kanan dalam partinya telah memberi amaran bahawa beliau mungkin terpaksa meletakkan jawatan.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia bersedia menggunakan mata wang Taiwan dalam perdagangannya dengan negara itu bagi mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika dalam perdagangan luarnya.

Beliau berkata kedua-dua kerajaan telah memulakan rundingan bagi menggunakan ringgit dan dolar Taiwan dalam perdagangan dua hala.

"Kita sekarang hanya perlu menubuhkan sebuah pusat penjelasan dan mengadakan mekanisme yang kini belum wujud," kata beliau.

Dr Mahathir berkata keadaan akan menjadi mudah jika Malaysia menggunakan mata wang negara yang Malaysia mengadakan perdagangan seperti Yen dengan Jepun dan dolar Taiwan.

Dr Mahathir juga berkata firma-firma Taiwan dijangka menyertai secara aktif dalam penubuhan Koridor Raya Multimedia Malaysia.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai hubungan antara beliau dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tiada percanggahan pendapat antara Anwar dan saya.. kami membuat dasar dan membuat keputusan secara bersama.. yang berbeza cuma saya bersua lantang sementara timbalan saya bersua lembut.

"Tidak timbul percanggahan pendapat seperti digambarkan oleh media Barat dna kedua-dua kami bersama Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin membuat keputusan bersama terutama mengenai ekonomi," kata beliau.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengapa Malaysia sehingga ini tidak meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mengatasi masalah ekonominya.

Beliau berkata ekonomi negara-negara yang menerima pakej bantuan IMF seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan tidak juga menjadi lebih baik daripada Malaysia yang memutuskan untuk tidak menerima pakej bantuan IMF.

"Mengapa harus kita mendapatkan pertolongan daripada sebuah pertubuhan yang sebenarnya tidak menolong dan jika kita menerima pakej IMF, kita akan terpaksa membuka pasaran kita kepada gergasi korporat dari negara-negara

Barat dan ini menjadikan syarikat-syarikat kita tidak berupaya untuk bersaing dalam pasaran terbuka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebagai contoh, dalam sektor perbankan, bank-bank tempatan akan ditelan oleh bank gergasi seperti Citibank yang mempunyai aset US\$600 bilion.

" Sehingga ini kita dapat menolak IMF..rakyat masih pergi membeli-belah, perniagaan berjalan seperti biasa, projek pembangunan terus dilaksanakan dan tidak satupun bank ditutup," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sukar untuk menjangka bila kegawatan ekonomi sekarang akan berakhir kerana ia adalah di luar kawalan kerajaan dan itulah sebabnya Malaysia telah menegaskan tentang perlunya perubahan dalam sistem perdagangan mata wang.

" Masalahnya ialah kita terlalu banyak menggunakan dolar US dalam menjalankan perdagangan antarabangsa walaupun kita tidak perlu berbuat demikian.

Ini memandangkan 70 peratus daripada perdagangan Malaysia dijalankan dalam mata wang itu walaupun perdagangan dengan Amerika hanya merupakan 18 peratus daripada keseluruhan perdagangan negara ini," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AKT AU FAZ